

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

# 50,511 kes, 88 maut akibat denggi sejak Januari

Usaha berterusan cegah wabak perlu diutamakan kerana jangkitan masih tinggi

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 50,511 kes dan 88 kematian akibat demam denggi dicatatkan di seluruh negara dalam tempoh Januari hingga 13 Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata jumlah kumulatif kes demam denggi itu berkurangan berbanding tempoh sama tahun lalu iaitu sebanyak 56,819 kes dan 88 kematian yang telah dilaporkan.

"Namun sejak lapan minggu lepas, didapati berlaku trend peningkatan dengan purata peningkatan lapan peratus seminggu. Berdasarkan trend itu, Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan peningkatan kes demam denggi dalam gelombang kedua bermula pada awal Jun sehingga September ini," katanya dalam satu kenyataan sempena sambutan Hari Denggi ASEAN Ke-10, di sini semalam.

Dr Adham berkata, walaupun seluruh negara diuji pandemik COVID-19, usaha berterusan untuk memerangi ancaman wabak demam denggi perlu diberi keutamaan memandangkan angka kes dalam negara masih tinggi.

Katanya, individu dan masya-



Masyarakat perlu menghapuskan sendiri tempat pembiakan Aedes tanpa mengharapkan tindakan daripada pihak berkuasa. (Foto hiasan)

rakat turut disaran terus melaksanakan aktiviti pencegahan denggi dengan mengutamakan penjarakan sosial, memakai penutup hidung dan mulut serta kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pensanitasi tangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Usaha (pencegahan) ini akan diperkasakan lagi melalui pembabitian ejen kesihatan iaitu sukarelawan Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) di seluruh negara, yang

berperanan dalam membantu KKM untuk menjalankan aktiviti pendidikan pencegahan demam denggi melalui pendekatan norma baharu.

"Sehingga 12 Jun, terdapat 2,954 pasukan COMBI dengan penyerahan lebih 25,531 sukarelawan di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, tema Sambutan Hari Denggi ASEAN peringkat kebangsaan tahun ini ialah '10 Minit Hapuskan Aedes' bertujuan mewujudkan komitmen dan kerjasama padu daripada semua pihak termasuk ma-

syarakat, jabatan, agensi kerajaan mahupun swasta untuk bersama-sama menangani masalah denggi.

Melalui pendekatan tema itu, mesej yang ingin disampaikan adalah masyarakat perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes setiap minggu.

"Tema ini juga selari dengan hala tuju KKM dalam pencegahan denggi yang memberikan peneka-



Tema ini juga selari hala tuju KKM dalam pencegahan denggi yang memberikan peranan komuniti musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di premis masing-masing secara sendiri.

Dr Adham Baba,  
Menteri Kesihatan

nan kepada peranan komuniti untuk menjalankan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes di premis masing-masing secara sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Dr Adham juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas komitmen menangani penularan demam denggi dalam negara, dengan harapan usaha ini diteruskan demi memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati tahap kehidupan yang berkualiti dan bebas daripada ancaman demam denggi.

BERNAMA